

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB. UST. DATO' DR. MOHD
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**

KAWASAN : **KUALA NERUS**

TARIKH :

NO. SOALAN : **354**

SOALAN

Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah bagi menurunkan harga kereta dan menyatakan sejauh mana kesediaan Kerajaan untuk memberikan rebet duti eksais kepada golongan B40 bagi mengurangkan beban mereka untuk memiliki kereta pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan Kerajaan pada bulan Januari 2014 bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (EEV) dan meningkatkan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automotif supaya lebih berdaya saing.

Pelaksanaan NAP 2014 turut mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan. Ini dapat dilihat melalui penurunan harga kereta sebanyak 14.68% bagi tempoh 2013 hingga 2015.

Walaupun bagaimanapun, industri automotif tempatan secara keseluruhannya mengalami penyusutan dalam tahun 2016 berbanding tahun 2015. Jumlah jualan kenderaan secara keseluruhannya telah menurun daripada 666,677 unit pada tahun 2015, kepada 580,124 pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 13%. Penyusutan ini disebabkan oleh pelbagai faktor sampingan di luar kawalan Kerajaan seperti ketidakpastian pasaran (*market volatility*), kenaikan matawang asing berbanding Ringgit dan kenaikan harga bahan mentah merencat pertumbuhan mapan industri automotif tempatan.

Walaupun kadar tukaran US dolar berbanding Ringgit meningkat sebanyak 40 peratus di antara 2015 dan 2016, kadar kenaikan harga kereta adalah minimal iaitu sebanyak 2.3 peratus sahaja pada tahun 2016. Ini disebabkan oleh aktiviti tambah nilai tempatan oleh pengeluar kereta dan pemberian *customised incentive* oleh Kerajaan. Oleh itu, secara keseluruhannya, penurunan harga kenderaan dari 2013 sehingga akhir tahun 2016 adalah 12.55%.

Kesan positif bagi inisiatif ini juga turut dinikmati oleh golongan B40 di mana penurunan harga kenderaan (mampu milik) dalam segmen harga kurang daripada RM 60,000 telah mencatat penurunan sebanyak 4.17% pada tahun 2016. Antara contoh model kenderaan yang terlibat dalam segmen ini adalah:

- (i) Perodua Viva (daripada RM 37,000 kepada RM 35,000);
- (ii) Perodua Myvi (daripada RM 54,000 kepada RM 48,000);
- (iii) Proton Saga (daripada RM 41,000 kepada RM 38,000); dan
- (iv) Proton Persona (daripada RM 55,000 kepada RM 53,000).

Sekian, terima kasih.